

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MATA PELAJARAN BAHASA
MELAYU SPM PERINGKAT ZON B, KUCHING SARAWAK 2013

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, **kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan mempelajari sejarah dan sebab-sebab masyarakat tidak berminat membaca buku sejarah. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Laungan kemerdekaan oleh **Mantan Perdana Menteri yang pertama**, Tunku Abdul Rahman merupakan sebuah catatan peristiwa yang sangat penting kepada seluruh rakyat Malaysia. Di Malaysia, semua murid diwajibkan mempelajari subjek Sejarah. Sejarah sangat penting dalam kehidupan manusia untuk dijadikan panduan dan iktibar kepada kita untuk membaiki kesilapan masa lalu bagi membolehkan kita mencipta kejayaan yang lebih gemilang. Tanpa belajar daripada kesalahan dan kesilapan masa lalu, kita mungkin mengulangi kesilapan lampau yang bukan sahaja merugikan seseorang individu tetapi mungkin juga kepada keluarga, masyarakat dan negara. Melalui sejarah, kita dapat mempelajari kejayaan bangsa dan negara seperti zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 yang boleh dijadikan perangsang untuk memacu kejayaan negara.

Sejarah juga membolehkan kita mengingati kegemilangan masa silam untuk memacu negara memperoleh kegemilangan. Malaysia kini menggapai pelbagai kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan menjadi antara negara membangun yang paling maju di dunia. Dengan kegigihan pemimpin dan rakyatnya, tidak mustahil Malaysia mampu memperoleh kegemilangan dan mengulangi semula zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Di samping itu, sejarah juga dapat memupuk semangat patriotisme terhadap negara. Perasaan ini timbul apabila kita mempelajari sejarah tanah air sekaligus akan melahirkan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia yang yang berdaulat. Selain itu, membantu kita menghargai dan memelihara kemerdekaan serta kedaulatan negara. Tanpa semangat ini, **maruah negara boleh tercalar** apabila lahirnya warganegara yang sanggup menggadai dan menjual maruah negara seperti terlibat dengan kegiatan menyeludup masuk warga asing. Semangat patriotisme timbul apabila kita mengetahui dan mengetahui siapa diri, bangsa, dan

negara kita. Lantaran itu, **pengetahuan sejarah mampu** menjadikan kita bangsa yang bersyukur seterusnya **bersama-sama mengagableng** tenaga untuk membangunkan negara

Sebenarnya, tanpa pengetahuan sejarah terutamanya mengenai pembentukan negara **kita yang bermula** dengan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, akan lahirlah **warganegara** tanpa jati diri. Mereka ini tidak menghargai apa-apa yang telah dimiliki pada **hari ini** dan lahirlah warganegara yang tidak bersyukur, lupa asal-usul, adat resam dan budaya. Malah, akan lahir rakyat Malaysia yang tamak haloba dalam mencapai matlamat hidup tanpa mempedulikan halal dan haram dari aspek undang-undang dan mencampakkan kontrak sosial negara ke tepi demi mencapai cita-cita mereka. Apabila kita memahami sejarah negara, kita **dapat** mendedahkan kepada masyarakat akan kepentingan mengekalkan perpaduan antara berbilang kaum. Memahami sejarah juga memberi pendedahan kepada murid mengenai kerjasama yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu bagi mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah. Hal ini membuktikan untuk mencapai sesuatu kejayaan, perpaduan dan kerjasama antara kaum sangat penting. Pendek kata, mempelajari sejarah dapat melahirkan bangsa Malaysia yang kental menghadapi sebarang cabaran.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Mempelajari Sejarah'
oleh Josephine Anak Anchong,
Dewan Siswa, Jun 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *maruah negara boleh tercalar*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** kesan apabila kita tidak memiliki pengetahuan tentang sejarah negara. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha bagi menggalakkan masyarakat meminati mata pelajaran Sejarah?
Kemukakan **empat** pendapat anda. [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pak Itam mengiring langkah Tuk Mat yang bertubuh sasa itu dengan perasaan yang penuh kesyukuran. Budi Tuk Mat bukan sedikit, kalaulah Tuk Mat tidak ada, dan niatnya sudah tentu tidak akan tercapai.

Kalau harapkan dia untuk menguruskan segala-galanya, manakan terdaya. Usahkan untuk ke sana ke mari, mahu mengheret punggung sendiri pun rasanya sudah tidak terdaya. Tuk Mat dan keluarganya dirasakan sudah jadi bukan orang lain lagi. Rogayahlah yang menjaganya. Halimah anak gadisnya, bersama-sama Rokiah, selang berganti, menghantar nasi dan mengambil kain bajunya untuk dicuci. Yang memeningkan kepala Pak Itam, apabila dibagi duit, baik Tuk Mat, isterinya, Halimah dan Rokiah semuanya menolak. Moga-moga Tuhan sahaja yang akan membalas budi Tuk Mat sekeluarga.

Selepas sembahyang asar, ketika Pak Itam menghulur kepala keluar tingkap, semua khemah sudah terdiri, kain belon yang berwarna-warni biru, merah, kuning dan hijau, semuanya ada lapan buah, beralun dan berombak ditiup angin petang.

“Pak, cantik tak?” laung Jali kepada Pak Itam yang masih terjenguk di jendela. Cantik, maksud Jali ialah susun atur segala karya dan gambar-gambar Pak Itam di bawah khemah pameran itu.

(Dipetik daripada
‘Memori Seorang Tua’
Oleh Zahari Affandi
Dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Gambarkan keadaan di luar rumah Pak Itam. [2 markah]

(ii) Jelaskan **tiga** peranan jiran dalam kehidupan kita. [3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat yang **lain daripada** keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dengan hal yang demikian sampailah geliung panjang itu ke Negeri Pati Talak Terengganu. Ketika geliung panjang kenderaan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa itu berlabuh, Tuan Puteri Pinang Masak, Puteri Uli Pati Talak Terengganu sedang beristirahat di atas petarana di magun. Melihatkan kesampaian geliung itu, Tuan Puteri menitahkan Si Kembang Cinanya pergi bertanyakan tentang geliung itu, tetapi Si Kembang Cina menyuruh pula Bujang Selamat pergi bertanya.

‘Hai jurubatu, dari mana geliung ini datang dan apa hajat datang ke mari?’ ‘Kami datang dari Negeri Bandar Mengkalih hendak pulang ke Negeri Semarang di Tanah Jawa.’ ‘Apakah muatannya?’ ‘ Kami belayar bukan hendak berniaga, Cuma hendak *meninjau kati dan dacing*, cupak dan gantang, adat resam negeri orang.’

Bujang selamat berlari-lari pulang memberitahukan hal itu kepada baginda raja. Titah baginda, ‘Bagaimana hendak melihat adat resam orang kalau tidak naik ke darat? Pergilah kau sekali lagi Bujang Selamat, tanyakan adakah mereka tahu adat orang di laut’ Bujang Selamat pun berlari-larilah pula menuju ke geliung panjang lalu bertanyakan hal itu.

Sahut Awang Sulung, ‘Adat di laut kami tahu: jika ada angin belayar, jika tidak berlabuh.’ ‘Tahukah pula cncik adat orang di negeri?’ Tanya Bujang Selamat. ‘Tahu juga, tetapi kerana berlabuh di laut. entah apa pula pantang larangnya.’

Kemudian berlari-larilah Bujang Selamat menyampaikan hal itu kepada baginda raja. Kemudian dititahkannya pula Bujang Selamat pergi bertanyakan nama juragan, nakhoda, jurubatu dan jurumudi geliung panjang itu.

(Dipetik daripada
‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’,
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *meninjau kati dan dacing*? [2 markah]

- (ii) Jelaskan perkara yang **dilakukan oleh Tuan Puteri Pinang Masak, Puteri Uli Pati Talak Terengganu ketika geliung panjang** itu berlabuh. [3 markah]
- (iii) **Pada pendapat anda**, mengapakah kita perlu mengetahui adat di negeri orang apabila **kita merantau** di tempat orang? [4 markah]

Soalan 2 (d) –Petikan puisi tradisional

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

SAJAK PASAR PERASAAN

ini pasar perasaan
pada gerainya duduk penjual sentimental
yang sering dikunjungi pembeli emosional.

ini pasar perasaan
mereka memperdagangkan kata-kata
yang terbit daripada kalbu
bukan terbit daripada akal.

mereka memperdagangkan hujah
yang rapuh dan lapuk
bagai kayu buruk;

yang mudah dipatahkan bagai ranting kering.

ini pasar perasaan
di dalamnya mengalir sungai manusia
yang mengilirkan suara kosong.
ini pasar perasaan
yang memperdagangkan akal cetek
dan tawar-menawar yang dangkal.

kumasuki pasar ini
kususuri sungai sibuk ini
di tengah-tengah penjual dan pembeli
yang kaya dengan perasaan
tetapi miskin dengan kebijaksanaan.

ini pasar tidak berakal
yang diriuhan kekosongan.

(Antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Jelaskan maksud rangkap keenam sajak ini. [3 markah]
- (ii) Mengapakah penjual dan pembeli dikatakan kaya dengan perasaan tapi tidak bijaksana? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga pengajaran yang dapat dijadikan teladan daripada sajak ini. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab *semua* soalan.

- (a) Tulis **dua** ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.
- i. gamat
 - ii. diam
 - iii. bidang
- [6 markah]
- (b) Pisahkan setiap ayat majmuk di bawah ini menjadi dua ayat tunggal.
- (i) Penduduk di kawasan luar bandar banyak bergantung kepada doktor di hospital kerajaan berbanding penduduk di kawasan bandar yang mendapat rawatan di klinik swasta.
 - (ii) Sumbang mahram berlaku kerana kurangnya didikan agama dan hilangnya rasa kasih sayang sesama ahli keluarga.
 - (iii) Nyamuk aedes membiak di kawasan air yang bertakung dan suka menggigit mangsa pada waktu pagi dan petang.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) **Pelaksanaan** program kaunsling penting untuk memulih semangat mangsa bencana tsunami.

(ii) Buku yang setebal itu saya baca dalam tempoh beberapa hari saja.

(iii) Agak sukar bagi kami untuk menyakinkan Maniam bahawa Program Latihan Khidmat Negara yang perlu disertainya itu bukan membentuk kerahan tenaga.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Pihak polis dan perompak saling berbalas-balas tembakan di depan bank sehingga orang ramai yang berada di tempat berhampiran lari bertaburan.

(ii) Hajar terlupa mengembalikan semula buku yang dipinjamnya di perpustakaan sekolah menyebabkan dia dihukum denda sebanyak 20 sen sehari.

(iii) Di atas kelulusan pihak pengurusan, mereka memilih tempat yang selera untuk jamuan akhir tahun.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

i. Semua warganegara asing yang datang ke Malaysia mestilah mematuhi undang-undang negara ini.

ii. Setelah anaknya dimasukkan ke hospital kerana menghidap demam denggi, barulah Encik Rajes membersihkan persekitaran rumahnya.

iii. Rusdi yang mengambil buku Geetha, Roslan pula yang dituduh melakukan perbuatan itu.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Papa...*(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
- (iii) *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) *Renyah* karya Gunawan Mahmood
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) *Sutera dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan

- (a) Sesebuah novel memberi gambaran kehidupan sesebuah masyarakat. Berdasarkan satu novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar masyarakat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Banyak pengajaran yang dapat diambil daripada sesebuah novel. Huraikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sebuah novel yang anda kaji.

[8 markah]